

## Bila Dr. Mahathir bertemu Tunku, ada-ada saja yang melucukan

SESEKALI bertemu tentu ada sahaja yang dibualkan. Begitu juga halnya Tunku Abdul Rahman dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bertemu di Perhimpunan Agung Kedua Majlis Dakwah Islamiah Rantau Asia dan Pasifik (RISEAP) di Kompleks Tabung Haji di Kelana Jaya, semalam.

Senyuman Bekas Perdana Menteri itu boleh disifatkan sebagai merestui pendekatan-pendekatan baru yang diperkenalkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir khususnya mengenai penerapan nilai-nilai Islam ke dalam sistem pentadbiran negara.

Ia juga boleh ditafsirkan sebagai penghargaan Tunku Abdul Rahman kepada langkah kerajaan di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir ke arah melipatgandakan lagi usaha untuk menegakkan syiar Islam di Malaysia.—

Foto Berita Minggu.

